

# UNGKAPAN EMOSI DAN KEADAAN FIKIRAN KAUM MISKIN: ANALISIS TEKS *SENYUM KARYAMIN* KARYA A. TOHARI

*Hermina Sutami*

## Abstrak

Karyamin, watak utama cerita pendek *Senyum Karyamin*, ialah seorang kuli pengangkut batu yang hidupnya miskin. Dia digambarkan sebagai orang yang tidak banyak berkata, tetapi banyak tersenyum. Senyumnya mengungkapkan pelbagai jenis suasana hati dan keadaan fikiran seperti gembira, dongkol, penghinaan, sedih, waspada, setuju dan simpati. Adanya makna yang berbeza itu sepenuhnya bergantung pada konteks pemunculan kata itu. Kata *senyum* dapat mewakili emosi atau keadaan fikiran yang berbeza pada konteks yang berbeza. Di samping kata *senyum* dan variannya seperti *tersenyum*, *tersenyum-senyum*, *senyuman* diteliti kata-kata lain yang mencerminkan emosi. Jenis emosi paling dominan yang dimiliki Karyamin ialah rasa tidak puas dengan makna sedih terhadap kehidupannya yang serba kekurangan. Tetapi dia dapat menggunakan fikirannya dalam menghadapi pegawai pemerintah yang menindasnya. Kemarahannya tidak dilampiaskan dengan berkelahi atau meninju, melainkan dengan tersenyum dan tertawa. Namun, itu tidak bererti Karyamin dan kawan senasibnya selalu bersedih hati. Mereka pandai mencari bahan lelucon, sehingga hari-hari kerjanya dipenuhi oleh canda tawa. Selain itu, solidaritas antara mereka sangat kuat. Merekalah yang mempunyai rasa simpati dan hiba terhadap penderitaan sesamanya. Sebaliknya, petugas pemerintah dilukiskan sebagai manusia yang tidak punya emosi gembira, hanya emosi marah dan mudah tersinggung.

## Abstract

*Karyamin, the main figure from short story Senyum Karyamin (The Smile of Karyamin), was a poor stone collecting coolie. He did not*

*talk much, except smiling. His smiling expressed many kind of emotions and states of mind, such as happy, disgust, insult, sad, alert, to agree with and sympathy. Different meaning of emotions and states of mind depend entirely on the situation in which an emotion word appeared from the text. The word smile could express different emotions or states of mind from different context. Beside senyum and its derivation such as tersenyum, tersenyum-senyum and senyuman, other words expressing emotions and states of mind were also analysed. The prominent emotion from Karyamin was his dissatisfaction toward his poor life. But, he could use his mind when a government official asked him for money to help the poorer in Africa. He did not manifest his angry by fighting or scolding him, except smiling or laughing. But, it did not mean that Karyamin and his friends—who had the same fate as him—always sad. They knew how to make jokes. Sometimes they made their friends as the victim of their jokes, sometimes they laughed at their own stupidity, or found something that could make them laughing. Although they were very poor and worked hard to earn some money, their life was fulfilled with jokes. The solidarity among them was very strong. They took sympathy toward others difficulty or sadness. On the contrary, the government official was described as a man who was easy to get angry, did not have humorous sense and pitiness.*

## PENDAHULUAN

*Senyum Karyamin* menggambarkan sepeinggal kehidupan kaum miskin yang bermata pencarian sebagai pengumpul batu. Hampir semua tokoh cerita pendek ini, kecuali Pamong, tergolong sebagai kaum miskin. Di sela-sela kehidupannya yang melarat, ternyata mereka masih dapat bercanda dan bergembira ria, bahkan menjadikan hal-hal yang akrab dijumpai dalam kesehariannya sebagai sumber keceriaan.

Makalah ini mencuba menilik pelbagai jenis emosi atau suasana hati dan keadaan fikiran<sup>1</sup> yang dipancarkan oleh para watak dalam cerita pendek ini,

1 Ada beberapa istilah yang digunakan untuk mengalihkan kata *emotion* ke dalam bahasa Indonesia. Heider (1991:51) menggunakan "perasaan hati", Sudaryanto (1994:52) menyebutnya "kata emotif", "kata ekspresif", "kata emotif-ekspresif" atau "kata rasa". Dalam makalah ini digunakan "emosi" atau "suasana hati" sebagai padanan *emotion* dan "keadaan fikiran" sebagai padanan *states of mind*. Kata *emosi* juga muncul dalam bahasa Indonesia lisan dengan makna "marah", seperti dalam ujaran *Awas hati-hati, dia sedang emosi* yang bererti ia sedang marah. Kata *emosi* hanya dengan makna "marah" ini tidak akan digunakan dalam makalah ini. Dalam makalah ini istilah *suasana hati* dan *emosi* digunakan secara bergantian.

seperti Karyamin sebagai watak utama, pengumpul batu lainnya, Saidah penjual nasi dan Pamong yang tidak tergolong sebagai kaum miskin. Dari sini akan diketahui siapakah orang yang hidupnya melarat selalu berwajah murung, tidak pernah tersenyum dan tidak pernah merasa gembira. Sebaliknya, Pamong yang bukan orang melarat, apakah selalu berpenampilan riang gembira, dan sebagainya. Semua itu akan terungkap melalui analisis tekstual dalam kajian ini.

## Latar Belakang Teoretis

Analisis tekstual ini menerapkan teori tentang suasana hati dan keadaan fikiran daripada Santangelo (1995)<sup>2</sup>. Teori ini tidak hanya mencakup emosi atau suasana hati sahaja, melainkan juga keadaan fikiran (*states of mind*). Mengapa sarjana ini tidak memisahkan emosi daripada keadaan fikiran seperti teori Ekman (1992), dan sejauh mana pula keamatan ikatan di antara kedua-duanya, penjelasannya dapat ditemukan di bawah ini.

Diakui oleh Santangelo bahawa definisi mengenai emosi masih kontroversial. Namun, sarjana ini berpendapat bahawa emosi merupakan reaksi hati, fikiran atau tubuh yang sifatnya sementara waktu, diikuti oleh perasaan ingin atau enggan, tegang atau relaks yang diatur oleh alur kesedaran dalam suatu kegiatan komunikasi daripada suatu budaya (Santangelo, 1995:104). Dalam membangunkan teorinya, sarjana ini banyak menggunakan teori psikologi tentang emosi. Tetapi, objek penelitian ini bukan emosi seperti yang diteliti oleh ahli psikologi kontemporari, melainkan “emosi dalam erti kata pengalaman berpanjangan yang afektif yang berhubung kaitkan secara simbolik melalui bahasa” (2002c:3). Emosi yang diteliti pada karya sastera merupakan emosi daripada pengalaman afektif yang mengendap dalam waktu yang lama dan diwujudkan dalam komunikasi dengan menggunakan alat simbolis seperti kata-kata, frasa, dan sebagainya yang akan berbeza daripada tiap-tiap bahasa.


Suasana hati pada umumnya dapat ditandai melalui air muka. Di samping air muka, hal itu juga dapat diketahui melalui tingkah laku dan perbuatan. Berbahasa merupakan sebahagian daripada tingkah laku. Kata-kata

---

2 Teori yang diajukan Santangelo—profesor bidang sejarah China dari IUO (Istituto Universitario Orientale), Napoli, Italia—ini dibangun atas dasar penelitian tekstualnya selama puluhan tahun terhadap karya sastera dari dinasti Ming (1368–1644 M) dan dinasti Qing (1644–1911 M) dari negara China. Beberapa projek penelitian tengah berlangsung guna mencari kesemestaan emosi dan keadaan fikiran di bawah pimpinan Prof. Santangelo, baik di Italia sendiri mahupun di luar Italia seperti Indonesia, China, dsb. Di FIB UI projek percontoh ini dimulai April 2000 dengan ditandai oleh ceramah yang dibawakan oleh beliau. Para penelitiannya ialah pengajar FIB UI, peneliti karya sastera bahasa Jawa, Melayu-Cina, Mandarin dan Jerman.

merupakan unsur bahasa, juga merupakan bahagian tingkah laku (Heider, 1991:5). Dengan demikian, penelitian tentang suasana hati dan keadaan fikiran tidak hanya meneliti ekspresi wajah dan manifestasinya berupa perbuatan sahaja, tetapi juga dapat dilakukan melalui penelitian teks terhadap kata/frasa/klausa yang mengungkapkan suasana hati dan keadaan fikiran.

Pemunculan kata/frasa/klausa pengungkap suasana hati dan keadaan fikiran dilatari oleh suatu peristiwa yang disebut anteseden. Daripada anteseden kepada ungkapan emosi terdapat campur tangan budaya (Heider, 1991:7) seperti yang tergambar pada rajah alur emosi yang berikut ini:



**Rajah 1** Alur emosi daripada Heider (1991:7).

Rajah 1 di atas, memperlihatkan empat hal pokok dalam pemunculan emosi:

1. Anteseden berupa peristiwa yang melatari.
2. Budaya yang berkaitan dengan anteseden, terdiri daripada makna peristiwa tersebut menurut budaya yang bersangkutan; dan seperangkat aturan yang ditentukan oleh budaya dalam menyingkap peristiwa tersebut.
3. Keadaan mental orang yang terlibat dalam peristiwa itu.
4. Ungkapan emosi yang dapat diwujudkan melalui ekspresi wajah atau tingkah laku—dapat berupa perbuatan atau aktiviti berbahasa.

Dengan adanya campur tangan budaya ini maka cara memmanifestasi, dan persepsi tentang emosi dan keadaan fikiran setiap budaya tidak sama, sehingga hal itu dapat menjadi ciri fenomena sosial pada masa tertentu daripada suatu budaya (Santangelo, 2002c:2–3). Emosi dikelompokkan Santangelo (2001:2) ke dalam lima kelas.<sup>3</sup>

<sup>3</sup> Bandingkan dengan klasifikasi Ekman (1992): (1) *fear* (anxiety/anguish/fright/worry) (2) *love* (trust/affection/friendship) (3) *sorrow* (melancholy/depression/shame) (4) *joy* (aesthetic perception/pleasure) (5) *anger* (hate/resentment/jealousy)

1. Sikap positif serta harapannya

Emosi positif ini menunjukkan adanya interaksi—merupakan sikap positif (*positive attitude*)—dengan sesuatu di luar subjek. Akibat daripada sikap positif dalam interaksi itu timbul harapan dan keinginan untuk mendapatkan sesuatu yang diharapkan. Contoh: cinta, kasih, sayang, harapan, ingin, berminat, simpati.

2. Rasa puas

Emosi positif ini mengungkapkan rasa puas dan gembira dengan intensiti yang berbeza (daripada *tenang* kepada *kegembiraan yang meletup-letup*), misalnya: gembira, senang, puas, puas diri, terima kasih, lega.

3. Penonjolan nilai negatif

Emosi tidak menyenangkan atau emosi negatif ini ditandai oleh bangkitnya tanda-tanda fisiologi yang tinggi untuk menyatakan ada sesuatu yang dikhuatirkan, timbul kegelisahan secara mendadak kerana muncul gejala yang mengkhawatirkan. Emosi ini tidak sampai menimbulkan perbuatan agresif seperti menempeleng, mencaci maki, dan sebagainya. Keberadaan emosi ini dapat diketahui daripada gerak-geri atau tindak-tanduk yang tidak merugikan orang lain. Contoh: kluatir, curiga, takut, gelisah, cemas, kaget. *Astonishment* dan *surprise* tidak termasuk ke dalam jenis emosi negatif ini kerana tidak mengandungi idea negatif.

4. Emosi perlawanan agresif

Emosi negatif ini juga ditandai oleh bangkitnya tanda-tanda fisiologi yang tinggi. Tetapi berbeza dengan emosi penonjolan nilai negatif yang tidak sampai menyebabkan seseorang melakukan tindakan agresif, pada emosi ini terjadi perbuatan seperti memukul, mengebrak meja untuk menyatakan penolakan, permusuhan dengan tingkat intensiti yang berbeza (dari *geram* sampai *marah*), dan pelbagai ketidaksukaan yang bersifat peribadi (dari *iri*, *cemburu* sampai *memandang rendah*). Contoh: benci, marah, dendam, sebal, memandang rendah, memuakkan.

5. Rasa tidak puas

Emosi negatif ini bersifat pasif, tanda-tanda fisiologinya rendah, bersifat peribadi, berupa penilaian terhadap kekurangan diri sendiri dan kesalahan moral yang dilakukan (misalnya *malu hati*, *menyesal*) dengan

tingkat intensiti yang berbeza (daripada *apatis* kepada *gusar, jengkel*). Berbeza dengan emosi penonjolan negatif yang ditujukan pada hal-hal mendatang, rasa tidak puas ini ditujukan atau merupakan penilaian terhadap hal-hal lampau atau yang sedang berlangsung. Contoh: sedih, putus asa, murung, bosan, iri, malu hati, menyesal.

Di atas sudah dihuraikan maksud emosi atau suasana hati serta klasifikasinya. Sebelumnya juga telah dinyatakan emosi dan keadaan fikiran merupakan dua hal yang saling berkaitan dan sulit dipisahkan. Di mana letaknya keeratan ikatan tersebut? Memandangkan teori ini beranjak daripada penelitian tentang mental orang Cina seperti yang tertera dalam teks, eloklah diteliti juga dasar pemikiran teoretisnya.

Dalam budaya Cina, konsep suasana hati atau emosi (情 *qing*) mencakup 心 *xin* atau yang dipadankan menjadi “hati”, dan 气 *qi* atau tenaga “inti”. Menurut ajaran Buddhisme dan Taoisme ada sembilan jenis emosi, yakni senang, marah, khawatir, gembira, sedih, takut, sayang, benci, dan menentang. Di dalam 心 *xin* terdapat 意 *yi* atau “gagasan dan fikiran” dan 志 *zhi* atau “ketetapan”. Jadi, emosi mencakup hati yang mengandung fikiran dan ketetapan untuk bertindak, kemahuan untuk melakukan sesuatu atau sikap tentang sesuatu. Dengan kata lain, timbulnya fikiran dalam hati mengakibatkan munculnya ketetapan yang memerintahkan hati untuk bertindak.


Chen Chun (1159–1223) mengutip Hanyu (768–824) mengatakan bahawa fikiran ialah empunya tubuh. Fikiranlah yang menyebabkan manusia ingin makan apabila perutnya lapar, menggerakkan kaki apabila hendak berpindah tempat. Apabila fikiran manusia sakit atau dirasuk roh jahat, orang itu akan kehilangan kontrol terhadap dirinya. Orang demikian akan dikatakan “gila” atau “tidak waras”.

气 *qi* atau tenaga inti, unsur ketiga, dapat mengungkapkan kasih sayang dan nafsu yang merupakan unsur daripada suasana hati atau emosi.

Di atas dikatakan bahawa keadaan fikiran tak terpisahkan daripada suasana hati. Dengan alasan di atas, Santangelo (1995:113) mengelompokkan suasana hati dan keadaan fikiran menjadi satu. Ditambahkannya pula, batas antara kedua-duanya tidak begitu jelas, baik bagi bahasa Inggeris mahupun bahasa Mandarin. Namun, sarjana itu membuat lima klasifikasi emosi dasar. Hal itu menunjukkan ada emosi yang dapat dipisahkan daripada keadaan fikiran, misalnya gembira, senang, marah, khawatir, sedih; ada pula emosi yang tak terpisahkan daripada keadaan fikiran. Muatan emosi pada kata-kata yang tak terpisahkan daripada keadaan fikiran tidak sebesar muatan

keadaan fikirannya. Santangelo tidak menjelaskan seberapa jauh ketak-terpisahan di antara kedua-duanya, apakah tak terpisahkan seluruhnya atau sebahagiannya sahaja.<sup>4</sup>

Emosi merupakan pancaran murni daripada perasaan bukan indera atau perasaan mental, sedangkan keadaan fikiran tidak murni merupakan pancaran perasaan. Keadaan fikiran lebih merupakan sikap psikologi yang juga dekat dengan emosi, tetapi di dalamnya tercakup elemen kognisi dan tingkah laku. Keadaan fikiran menunjukkan adanya suatu keadaan dalam fikiran, misalnya kata *bingung*, *sedar* merupakan keadaan fikiran kerana mengacu kepada suatu keadaan bingung atau sedar daripada fikiran. Keadaan tersebut diketahui kerana adanya durasi waktu; adanya perbuatan yang menunjukkan bahawa orang tersebut sedang bingung atau sedar terhadap sesuatu. Apabila seseorang bingung, keadaan bingungnya itu berlangsung dalam serentang waktu atau mempunyai durasi waktu. Kata *bingung* lebih banyak mengandungi muatan keadaan fikiran daripada emosi. Muatan keadaan fikiran dan emosi daripada kata-kata *bingung*, *sedar* dan *kagum* disajikan di bawah ini.




Rajah di atas menunjukkan keadaan fikiran tidak terpisahkan daripada emosi, walaupun kandungan emosinya tidak banyak. Yang patut

<sup>4</sup> Kegiatan berfikir yang sepenuhnya menggunakan nalar seperti *berfikir* tidak tercakup di dalam keadaan fikiran.

diperhatikan pula, keadaan fikiran dapat mencakup emosi, tetapi emosi belum tentu mencakup keadaan fikiran. Dengan demikian, dapat difahami ungkapan *cinta buta* yang menyiratkan tidak ada kandungan keadaan fikiran (nalar) ketika orang sedang jatuh cinta.

Kata-kata pengungkap keadaan fikiran dapat difahami dengan menelusuri apakah di dalamnya terdapat unsur kognisi, tingkah laku, dan suasana hati/emosi. Misalnya, kata *sabar* mengandung makna (1) tahan menghadapi cubaan; tabah (2) tenang; tidak tergesa-gesa (KBBI, 1994:857). Dalam kata itu terdapat elemen hati atau fikiran yang tenang, kemudian terdapat tingkah laku yang menunjukkan bahawa orang yang bersangkutan sanggup menerima keadaan yang dihadapinya dengan tidak bertindak tergesa-gesa.



Suasana hati dan keadaan fikiran dapat diungkapkan secara langsung dengan menggunakan kata-kata seperti *sayang, benci, rindu, muak, sabar, hati-hati* dan sebagainya. Tetapi, kedua-duanya dapat pula diungkapkan secara tidak langsung dalam bentuk manifestasi seperti tersenyum, menggebrak meja, memberikan mawar merah, rasa badaniah (*bodily sensation*), perumpamaan, peribahasa, julukan, seruan, kata bermakna kausatif, kata pengungkap watak atau sifat seseorang.

## HASIL ANALISIS

Cerpen *Senyum Karyamin* memperlihatkan 54 data yang mengungkapkan emosi dan keadaan fikiran. Data tersebut terdiri daripada 46 kata dan lapan frasa kerja. Penyajian hasil analisis ini didasarkan pada (1) makna; dan (2) cara pengungkapan.

### Makna

Seluruh data diklasifikasikan ke dalam lima kelompok emosi dan keadaan fikiran atas dasar makna yang terangkum oleh kata atau frasa yang mewakilinya.

**Jadual 1** Penggolongan kata dan frasa ke dalam klasifikasi emosi dan keadaan fikiran.

Bil.	Emosi dan keadaan fikiran	Makna	Jumlah	Kata / frasa	Halaman, baris data
1	Sikap positif (5)	hiba, kasihan	5	Tak tahan (2x), tak tega, tersenyum, termangu	4,12; 4,27; 4,28; 4,34; 5,34
2	Rasa puas (13)	1. gembira	5	Suara gelak tawa, tertawa (2x), tersenyum, senyum	2,27; 3,14; 3,16; 3,17; 4,40;
		2. gembira, puas	3	Senyum (2x), tawanya	3,21; 3,25 (2x)
		3. gembira, mengejek	2	Tertawaan, terbahak	1,17; 2,9
		4. gembira, bercanda	2	Mentertawakan diri sendiri, menyeru-nyeru dengan seloroh cabul	1,19, 4,38
		5. lega	1	Nah	6,6
3	Nilai negatif (2)	1. hairan	1	Kok	3,42
		2. kkuatir	1	Kkuatir	5,12
4	Perlawanan agresif (9)	1. marah	4	Bangsat, menyumpahi, memabab, marah	2,4; 2,41; 3,28; 6,21
		2. dongkol	1	Tersenyum	3,32
		3. benci	1	Membenci	4,16
		4. hina	3	Terhina, menghina, tersenyum-senyum	3,26; 6,22; 6,24
5	Tidak puas (11)	1. sedih	9	Terduduk, terpaku, tersenyum (3x), senyum (3x), tertawa keras-keras	2,36, 3,37, 4,1; 5,7; 6,18 (3x), 6,26; 6,27
		2. iri	1	Iri	2,14
		3. kagum, iri	1	Iri	5,6
6	Keadaan fikiran (12)	1. waspada	3	Hati-hati (2x), tersenyum	1,1; 1,21; 3,35
		2. sadar	2	Sadar (2x)	3,29; 4,16
		3. sabar	1	Sabar	4,13
		4. setuju	5	Tersenyum, ia (4x)	4,9; 4,8 (2x); 4,30 (2x)
		5. toleransi	1	Tersenyum	4,33
		6. acuh	1	Diam	3,12
		7. enggan	1	Tidak ingin	4,7

Kata dan frasa pengungkap suasana hati dan keadaan fikiran yang ditemukan pada data ini berbeza dengan yang diteliti oleh Heider (1991). Heider mengawali penelitiannya dengan mendaftar sejumlah kata yang dicurigai mengandungi muatan emosi, kemudian kata-kata tersebut diujikan pada informan. Oleh sebab itu, dalam daftar kata emosi Heider, tidak dijumpai kata *tersenyum, terduduk, diam, terbahak*, dan sebagainya. Sebaliknya, pada data yang digunakan penulis tidak ditemukan kata-kata seperti *gembira, senang, kasih* yang justeru digunakan sarjana itu sebagai datanya.

Daripada klasifikasi emosi di atas, jelas bahawa rasa puas menempati urutan tertinggi (13), kemudian rasa tidak puas (11), lalu diikuti perlawanan agresif (9), sikap positif (5) dan nilai negatif (2). Hampir seluruh makna yang muncul mempunyai peranan pelaku, penanggap atau sasaran daripada kaum miskin, yakni Karyamin, para tukang pengumpul batu lainnya dan Saidah.

Daripada 13 rasa puas yang menempati urutan tertinggi itu, enam rasa puas dipancarkan oleh Karyamin sebagai watak utama, enam rasa puas lainnya dipancarkan oleh teman-teman Karyamin sesama pengumpul batu sebagai watak tambahan. Baik Karyamin mahupun teman-temannya tergolong sebagai orang miskin. Tetapi kegembiraan yang berhubungan dengan kemiskinan hanya ditunjukkan oleh Karyamin. Kegembiraan kerana ada hal lucu seluruhnya ditunjukkan oleh teman-teman Karyamin. Sebaliknya, Pamong yang tidak miskin hanya memiliki satu rasa puas.

Rasa puas bercampur gembira Karyamin diungkapkannya pada suatu pagi melalui senyumnya sebagai tanda bahawa ia berhasil mengalahkan rasa laparnya.

“Pagi itu *senyum* Karyamin pun menjadi tanda kemenangan atas perutnya yang sudah mulai melilit dan matanya yang berkunang-kunang.” (3,21)

“Memang, Karyamin telah berhasil membangun fatamorgana kemenangan dengan *senyum* dan *tawanya*.” (3,25)

Walaupun pada pagi hari itu perutnya lapar, Karyamin masih mampu tersenyum—bukan bersungut-sungut. Hal itu menunjukkan sekalipun sangat lapar, dia masih dapat bergembira dan merasa puas atas keadaannya kerana dapat mengatasi rasa lapar itu.

Dua contoh di atas berkenaan dengan emosi gembira bercampur puas. Ada lagi emosi yang hanya bermakna gembira sahaja. Kegembiraan ini disebabkan Karyamin berhasil menemukan bahan lelucon untuk membuatnya tersenyum dan tertawa.

“Mereka tertawa bersama. Mereka, para pengumpul batu itu, memang pandai bergembira dengan cara mentertawakan diri mereka sendiri. Dan Karyamin tidak ikut *tertawa*, melainkan cukup *tersenyum*.” (3,17)

“Kawan-kawan Karyamin menyeru-nyeru dengan segala macam seloroh cabul. Tetapi Karyamin hanya sekali berhenti dan menoleh sambil melempar *senyum*.” (4,40)

Ada dua hal lucu yang membuat Karyamin tersenyum, yaitu melihat paha-paha perempuan yang diibaratkan sebagai ikan putih, dan mendengar kata-kata kotor teman-temannya.

Berbeda dengan Karyamin, kegembiraan teman-temannya tidak bercampur dengan rasa puas. Kegembiraan mereka hanya berkaitan dengan keberhasilan mencari bahan lelucon. Yang dijadikan lelucon ialah isteri Karyamin yang muda dan gemuk. Tujuannya, untuk memanasasi hati Karyamin bahawa isterinya “ada main” dengan laki-laki lain. Lelucon lainnya, kegembiraan mereka melihat paha putih perempuan yang menyeberang sungai seperti pada cuplikan di bawah ini.

“Isterimu tidak hanya menarik mata petugas bank harian. Jangan dilupa tukang edar kupon buntut itu. Kudengar dia juga sering datang ke rumahmu bila kamu sedang keluar. Apa kamu juga percaya dia datang hanya untuk menjual kupon buntut? Jangan-jangan dia menjual buntutnya sendiri!” Suara *gelak tawa* terdengar riuh di antara bunyi benturan batu-batu yang mereka lempar ke tepi sungai.” (2,27)

“Min!” teriak Sarji. “Kamu diam saja, apakah kamu tidak melihat ikan putih-putih sebesar paha?” Mereka *tertawa* bersama.” (3,14)

Kawan-kawan Karyamin *menyeru-nyeru* dengan segala macam seloroh cabul. Tetapi Karyamin hanya sekali berhenti dan menoleh sambil melempar *senyum*.” (4,38)

Kegembiraan yang sekali gus bermaksud mengejek terjadi tatkala Karyamin jatuh terguling-guling saat mendaki tanjakan. Pada waktu batu-batu dalam pikulannya turut jatuh berhamburan, teman-temannya menjadikan hal itu sebagai hal yang menggembarakan, sekali gus mengejek ketidakbecusan Karyamin.

“[...] pagi ini Karyamin sudah dua kali tergelincir. Tubuhnya rubuh, lalu menggelinding ke bawah, berkejaran dengan batu-batu yang tumpah dari keranjangnya. Dan setiap kali jatuh, Karyamin menjadi bahan *tertawaan* kawan-kawannya.” (1,17)

Pada saat lain, kekurangan diri sendiri juga dijadikan lelucon oleh para pengumpul batu itu.

“Boleh jadi Karyamin akan selamat sampai ke atas bila tak ada burung yang nakal. Seekor burung paruh udang terjun dari ranting yang menggantung di atas air, menyambar seekor ikan kecil, lalu melesat tanpa rasa salah hanya sejengkal di depan mata Karyamin. “Bangsat!” teriak Karyamin yang sedetik kemudian dia sudah kehilangan keseimbangan. Tubuhnya bergulir sejenak, lalu jatuh terduduk dibarengi suara dua keranjang batu yang ruah. Tubuh itu ikut meluncur, tetapi terhenti kerana tangan Karyamin berhasil mencengkeram rerumputan. Empat atau lima orang kawan Karyamin *terbahak bersama.*” (2,9)

“Meskipun demikian, pagi ini Karyamin sudah dua kali tergelincir. Tubuhnya rubuh, lalu menggelinding ke bawah, berkejaran dengan batu-batu yang tumpah dari keranjangnya. Dan setiap kali jatuh, Karyamin menjadi bahan tertawaan kawan-kawannya. Mereka, para pengumpul batu itu, senang mencari hiburan dengan cara *mener-tawakan diri mereka sendiri.*” (1,19)

Sebaliknya, Pamong miskin rasa gembira. Dia hanya mempunyai rasa lega, yakni ketika berhasil menemukan Karyamin yang sudah lama dicari-carinya. Kata seru *nah* memancarkan kelegaan atau kepuasan Pamong itu.

“Namun di bawah sana Karyamin melihat seorang lelaki dengan baju batik motif tertentu dan berlengan panjang. Kopiahnya yang mulai botak kemerahan meyakinkan Karyamin bahwa lelaki itu adalah Pak Pamong. “*Nah*, akhirnya kamu ketemu juga, Min. Kucari kau di rumah, tak ada. Di pangkalan batu, tak ada. Kamu mau menghindar, ya?” (6,6)

Walaupun kaum miskin ini memiliki emosi gembira atas keberhasilan melawan rasa lapar dan berhasil mencari lelucon di sekitar kehidupannya, mereka juga memiliki emosi tidak puas seperti sedih, iri dan kagum bercampur iri. Sepuluh suasana hati tidak puas ditemukan pada diri Karyamin: sembilan bermakna sedih, satu bermakna iri dan kagum.

Suasana hati sedih Karyamin dimanifestasikan oleh kata *terduduk*, *terpaku*, dan *tersenyum*. Kesedihannya timbul saat dia berserta keranjang berisi batu yang dipikulnya jatuh akibat kaget kerana seekor burung paruh udang terbang melesat di hadapan matanya. Pada saat itu timbul rasa kagum dan irinya—diwakili oleh kata *iri*—terhadap kelincihan burung itu menangkap ikan kepala timah.

“Dan Karyamin masih *terduduk* sambil memandang kedua keranjangnya yang berantakan dan hampa.” (2,36)

“Dia tersenyum ketika menapaki tanah licin yang berparut bekas perosotan tubuhnya tadi. Di punggung tanjakan, Karyamin *terpaku* sejenak melihat tumpukan batu yang belum lagi mencapai seperempat kubik, tetapi harus ditinggalkannya.” (3,37)

“Tiba-tiba burung itu menukik menyambar ikan kepala timah sehingga air berkecipak. Dengan mangsa di paruhnya, burung itu melesat melintasi para pencari batu, naik menghindari rumpun gelagah dan lenyap di balik gerumbul pandan. Ada rasa *iri* di hati Karyamin terhadap si paruh udang. Tetapi dia hanya bisa *tersenyum* sambil melihat dua keranjangnya yang kosong.” (5,7)

Kesedihan juga terpancar daripada senyum Karyamin saat ditanya Saidah yang hairan melihatnya berjalan pulang padahal hari masih pagi. Rasa sedih itu disebabkan dia tidak dapat turun tebing kembali untuk memungut batu-batunya yang jatuh berhamburan, kerana tubuhnya sudah lemah akibat belum sarapan.

“Masih pagi kok mau pulang, Min?” tanya Saidah. “Sakit?” Karyamin menggeleng, dan *tersenyum*.”(4,1)

Senyumnya itu mengekspresikan kesedihannya kerana harus pulang walaupun tidak sakit. Lima kesedihan lainnya muncul ketika dia berjumpa dengan Pamong yang menagih wang yuran untuk menyumbang fakir miskin di Afrika.

“Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging *senyum*. *Senyum* yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh *senyum* Karyamin. “Kamu menghina aku, Min?” “Tidak, Pak. Sungguh tidak” “Kalau tidak, mengapa kamu tersenyum-senyum? Hayo cepat; mana uang iuranmu?” Kali ini Karyamin tidak hanya *tersenyum*, melainkan *tertawa keras-keras*.” (6,18;6,27;6,26)

Manifestasi kesedihan melalui *senyum*, *tersenyum* dan *tertawa keras-keras* menunjukkan ketidakberdayaan “orang kecil” terhadap petugas pemerintah. Kesedihan itu disebabkan dirinya yang miskin malahan

dimintai sumbangan untuk orang miskin. Hal ini dianggapnya tidak masuk akal, tetapi dia tidak dapat melawan, hanya bersedih sahaja dengan cara tersenyum. Kesedihannya itu bertambah ketika Pamong marah kerana melihatnya tersenyum. Tetapi manifestasi kesedihan yang lebih mendalam ini bukan dengan cara tersenyum, melainkan tertawa yang keras.

Satu ketidakpuasan dengan makna iri ditemukan pada diri Sarji—teman sesama pengumpul batu—yang iri kepada Karyamin kerana dia mempunyai isteri yang muda dan gemuk. Kata Sarji kepada Karyamin ketika melihat Karyamin tidak bersemangat.

“Sudah, Min. Pulanglah. Kukira hatimu tertinggal di rumah sehingga kamu loyo terus,” kata Sarji yang diam-diam *iri* pada istri Karyamin yang muda dan gemuk.” (2,14)

Emosi perlawanan agresif hampir seluruhnya berlatarbelakangkan kemarahan Karyamin terhadap burung paruh udang. Suasana hati marah terjadi ketika Karyamin berasa terganggu oleh burung itu.

“Boleh jadi Karyamin akan selamat sampai ke atas bila tak ada burung yang nakal. Seekor burung paruh udang terjun dari ranting yang menggantung di atas air, menyambar seekor ikan kecil, lalu melesat tanpa rasa salah hanya sejengkal di depan mata Karyamin. “*Bangsat!*” teriak Karyamin yang sedetik kemudian dia sudah kehilangan keseimbangan. Tubuhnya bergulir sejenak, lalu jatuh terduduk dibarengi suara dua keranjang batu yang ruah. Tubuh itu ikut meluncur, tetapi terhenti kerana tangan Karyamin berhasil mencengkeram rerumputan.” (2,4)

“Dan Karyamin masih terduduk sambil memandangi kedua keranjangnya yang berantakan dan hampa. Angin yang bertiup lemah membuat kulitnya merinding, meski matahari sudah cukup tinggi. Burung paruh udang kembali melintas di atasnya. Karyamin ingin *menyumpahinya*, tetapi tiba-tiba rongga matanya penuh bintang.” (2,41)

“Anehnya Karyamin merasa demikian terhina oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, karyamin ingin *membabat* burung itu dengan pikulannya.” (3,28)

Kata *bangsat*, *menyumpahinya* dan *membabat* semuanya mengekspresikan kemarahan Karyamin terhadap burung itu, bukan atas hidupnya yang miskin. Dia marah kerana burung itu menyebabkannya jatuh terguling ke bawah tebing. Emosi dongkol, benci dan berasa terhina juga ditujukan oleh Karyamin terhadap burung itu.

“Memang, Karyamin telah berhasil membangun fatamorgana kemenangan dengan senyum dan tawanya. Anehnya, Karyamin merasa demikian *terhina* oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, Karyamin ingin membabat burung itu dengan pikulannya. Tetapi niat itu diurungkan kerana Karyamin sadar, dengan mata yang berkunang-kunang dia tak akan berhasil melaksanakan maksudnya. Jadi, Karyamin hanya *tersenyum*.” (3,26;3,32)

“Si paruh udang kembali melintas cepat dengan suara mencecet. Karyamin tak lagi *membencinya* kerana sadar, burung yang demikian sibuk pasti sedang mencari makan buat anak-anaknya dalam sarang entah di mana.” (4,16)

Kata *tersenyum* pada konteks (3,32) memmanifestasikan kedongkolan Karyamin terhadap burung yang beberapa kali terbang melintas di hadapan matanya. Dia hanya dapat dongkol sahaja, tanpa dapat berbuat apa-apa. Dia sadar tidak akan kena memukul burung itu, kerana matanya berkunang-kunang akibat belum sarapan. Perbuatan burung yang bolak-balik terbang melintas dianggapnya sebagai suatu penghinaan sehingga dia sangat membencinya. Namun kebencian itu sirna kerana dia berfikir burung itu pasti sedang sibuk mencari makan untuk anak-anaknya.

Satu-satunya senyum Karyamin yang mengandungi penghinaan terhadap orang yang menindasnya adalah ketika dia tidak menjawab pertanyaan Pamong. Emosi marah dan terhina Pamong terjadi ketika melihat senyuman itu.

Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi *marah* oleh senyum Karyamin. “Kamu *menghina* aku, Min?” “Tidak, Pak. Sungguh tidak”. “Kalau tidak, mengapa kamu *tersenyum-senyum*? Hayo cepat; mana uang iuranmu?”(6,22;6,24)

Emosi yang menduduki urutan keempat dalam jumlah ialah sikap positif serta harapannya dengan makna hiba dan kasihan. Rasa hiba dan kasihan ini tidak ditunjukkan oleh Pamong yang bukan orang miskin, tetapi oleh sesama orang miskin, yakni antara Saidah dengan Karyamin. Di bawah ini ungkapan hiba Saidah terhadap Karyamin.

“Makan, ya Min? Aku *tak tahan* melihat orang lapar. Tak usah bayar dulu. Aku sabar menunggu tengkulak datang. Batumu juga belum dibayarnya, kan?” (4,12)

“Saidah memutus kata-katanya sendiri kerana Karyamin sudah berjalan menjauh. Tetapi Saidah masih sempat melihat Karyamin menoleh kepadanya sambil *tersenyum*. Saidah pun *tersenyum* sambil menelan ludah berulang-ulang. Ada yang mengganjal di tenggorokan yang tak berhasil didorongnya ke dalam. Diperhatikannya Karyamin yang berjalan melalui lorong liar sepanjang tepi sungai.” (4,34)

Frasa *tak tahan* secara langsung mengandungi makna hiba dan kasihan, sedangkan *tersenyum* merupakan manifestasi daripada rasa hiba dan kasihan. Jika Saidah hiba terhadap Karyamin, Karyamin pun demikian, tetapi dari sudut pandangan yang berbeza.

“Tidak. Kalau kamu tak tahan melihat aku lapar, aku pun *tak tega* melihat daganganmu habis kerana utang-utanku dan kawan-kawan.” (4,27)

Di sini nampak rasa hiba Karyamin terhadap Saidah penjual nasi pecel yang sudah dihutangi olehnya serta kawan-kawannya. Rasa hiba Karyamin juga ditujukan kepada isterinya yang harus menghadapi tagihan petugas bank.

“Sebelum habis mendaki tanjakan, Karyamin mendadak berhenti. Dia melihat dua buah sepeda jengki diparkir di halaman rumahnya. Denging dalam telinganya terdengar semakin nyaring. Kunang-kunang di matanya pun semakin banyak. Maka Karyamin sungguh berhenti, dan *termangu*. Dibayangkannya istrinya yang sedang sakit harus menghadapi dua penagih bank harian. Padahal Karyamin tahu, istrinya tidak mampu membayar kewajibannya harin ini, hari esok, hari lusa, dan entah hingga kapan [...]” (5,34)

Emosi lainnya, penonjolan nilai negatif dengan makna hairan muncul tatkala Saidah—penjual nasi—melihat Karyamin berjalan pulang ketika hari masih pagi.

“Masih pagi *kok* mau pulang, Min?” tanya Saidah. “Sakit?” Karyamin menggeleng dan *tersenyum*. Saidah memperhatikan bibirnya yang membiru dan kedua telapak tangannya yang pucat. Setelah dekat, Saidah mendengar suara keruyuk dari perut Karyamin. “Makan, Min?” (3,42)

Kehairanan Saidah diungkapkan melalui kata *kok* untuk bererti ‘mengapa’. Sakit atau perut keroncongan bukanlah penyebab Karyamin pulang pagi-pagi. Kekkuatirannya akan bisul di pantat isterinyalah yang menyebabkan dia pulang cepat-cepat.


“Sesungguhnya Karyamin tidak tahu betul mengapa dia harus pulang. Di rumahnya tak ada sesuatu buat mengusir suara keruyuk dari lambungnya. Istrinya juga tak perlu *dikhawatirkan*. Oh ya, Karyamin ingat bahwa istrinya memang layak dijadikan alasan buat pulang. Semalaman tadi istrinya tidak bisa tidur lantaran bisul di puncak pântatnya.” (5,12)

Selain pemunculan kata dan frasa daripada lima kelas emosi dasar yang sudah dijabarkan di atas, selanjutnya dibahas keadaan fikiran yang juga menempati jumlah tinggi (12), bahkan lebih tinggi daripada emosi perlawanan agresif seperti marah, benci dan terhina. Hal ini cukup membuktikan bahawa dalam keadaan sulit pun kaum miskin ini masih menggunakan penalaran dalam bertindak. Kata *iya* yang bermakna “setuju” muncul sebanyak empat kali. Kata itu diucapkan oleh Saidah untuk menyatakan persetujuannya atas pernyataan Karyamin bahawa hutangnya sudah banyak. Tetapi Saidah masih menggunakan nalarnya bahawa urusan kesihatan lebih penting daripada urusan hutang-piutang.

“Makan Min?” “Tidak. Beri aku minum saja. Daganganmu sudah ciut seperti itu. Aku tak ingin menambah utang.” “*Iya*, Min, *iya*. Tetapi kamu lapar, kan?” Karyamin hanya tersenyum sambil menerima segelas air yang disodorkan oleh Saidah.”(4,8)

“Tidak. Kalau kamu tak tahan melihat aku lapar, aku pun tak tega melihat daganganmu habis kerana utang-utangku dan kawan-kawan.” “*Iya* Min, *iya*. Tetapi ... Saidah memutus kata-katanya sendiri kerana Karyamin sudah berjalan menjauh.” (4,30)

Muatan suasana hati dan keadaan fikiran daripada kata *iya* yang bermakna setuju nampak pada rajah yang berikut:




Keadaan fikiran *hati-hati* muncul ketika Karyamin mendaki tanah curam dan licin sehabis hujan. Fikiran itu timbul didasarkan pada pengalamannya yang pernah jatuh tergelincir saat menanjak tebing.

“Karyamin melangkah pelan dan sangat *hati-hati*” (1,1)

“Kali ini Karyamin merayap lebih *hati-hati*. Meski dengan lutut yang sudah bergetar, jemari kaki dicengkeramkannya ke tanah.” (1,21)


Kata *hati-hati* pada kalimat di atas bermakna waspada. Muatan emosi kata itu ialah rasa cemas atau kluatir. Pada saat mendaki tebing curam Karyamin faham akan keadaan bahaya yang sedang dihadapinya, sehingga timbul rasa cemas akan jatuh tergelincir jika tidak berwaspada. Kerana itu dia bertindak *hati-hati*. Rajah muatan keadaan fikiran dan emosi kata *hati-hati* dapat dilihat di bawah ini:



Kata *tersenyum* pada beberapa situasi yang telah dibicarakan sebelum ini memanifestasikan suasana hati gembira dan sedih. Pada cuplikan di bawah ini kata itu juga memanifestasikan keadaan fikiran *waspada* seperti yang dipaparkan pada kalimat yang berikut:

“Anehnya, Karyamin merasa demikian terhina oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, Karyamin ingin memabat burung itu dengan pikulannya. Tetapi niat itu diurungkan kerana Karyamin sadar, dengan mata yang berkunang-kunang dia tak akan berhasil melaksanakan maksudnya. Jadi, Karyamin hanya *tersenyum*. Lalu bangkit meski kepalanya pening dan langit seakan berputar. Diambilnya keranjang dan pikulan, kemudian Karyamin berjalan menaiki tanjakan. Dia *tersenyum* ketika menapaki tanah licin yang berparut bekas perosotan tubuhnya tadi.” (3,35)


Senyum yang muncul saat menapaki tanah licin merupakan manifestasi atas pemahamannya betapa licin tanah di tempat itu sehingga dia tidak akan terperosot seperti sebelumnya. Dalam senyum yang mengandungi fikiran waspada itu juga terkandung rasa kluatir jatuh tergelincir lagi. Rajahnya dapat dilihat di bawah ini.



Keadaan fikiran *sedar* diwakili oleh kata *sadar* muncul pada situasi berbeza. Situasi pertama:

“Anehnya, Karyamin merasa demikian terhina oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, Karyamin ingin membabat burung itu dengan pikulannya. Tetapi niat itu diurungkan kerana Karyamin *sadar*, dengan mata yang berkulang dia tak akan berhasil melaksanakan maksudnya.” (3,29)


Kesedaran bernalar yang dimiliki Karyamin pada situasi di atas ialah kesedaran akan keadaan kesihatannya yang tidak memungkinkannya memukul burung itu. Emosi puas untuk tidak membalas dendam kepada burung itu seperti yang diperlihatkan di bawah ini.



Perhatikan pula pemunculan kata *sadar* pada situasi lain di bawah ini.

“Si paruh udang kembali melintas cepat dengan suara mencecet. Karyamin tak lagi membencinya kerana *sadar*, burung yang demikian sibuk pasti sedang mencari makan buat anak-anaknya dalam sarang entah di mana.” (4,16)


Pemahaman Karyamin bahawa burung itu sibuk terbang ke sana ke mari guna mencari makanan bagi anaknya membuat Karyamin mengasihani burung itu dan tidak jadi memukulnya.



Keadaan fikiran lainnya adalah simpati. Simpati ditunjukkan oleh Karyamin terhadap Saidah untuk tidak menerima tawaran nasi pecel Saidah sekalipun perutnya sangat lapar. Dia setuju dengan pendapat Saidah bahawa dirinya memang lapar, tetapi rasa simpati terhadap Saidah yang juga miskin membuatnya menolak tawaran nasi pecel itu, seperti yang diperlihatkan pada cuplikan yang berikut ini.

“Jadi, kamu sungguh tidak mau makan, Min?” tanya Saidah ketika melihat Karyamin bangkit. “Tidak. Kalau kamu tak tahan melihat aku lapar, aku pun tak tega melihat daganganmu habis kerana utang-utanku dan kawan-kawan.” “Iya Min, ya, Tetapi...” Saidah memutuskan kata-katanya sendiri kerana Karyamin sudah berjalan menjauh. Tetapi saidah masih sempat melihat Karyamin menoleh kepadanya sambil *tersenyum*. Saidah pun tersenyum sambil menelan ludah berulang-ulang.” (4,3)

Rajah muatan keadaan fikiran dan emosi kata *tersenyum* di atas:




Keadaan fikiran lainnya, *acuh*, diwakili oleh kata *diam* yang menunjukkan ketidakpedulian Karyamin terhadap seloroh teman-temannya.

“Tetapi kawan-kawan Karyamin mulai berceloteh tentang perempuan yang sedang menyeberang. Mereka melihat sesuatu yang enak dipandang. Atau sesuatu itu bisa melupakan buat sementara perihnya jemari yang selalu mengais bebatuan; tentang tengkulak yang sudah setengah bulan menghilang dengan membawa satu truk batu yang belum dibayarnya; tentang tukang nasi pecel yang siang nanti pasti datang menagih mereka. Dan tentang nomor buntut yang selalu dan selalu gagal mereka tangkap. “Min!” teriak Sarji. “Kamu *diam* saja, apakah kamu tidak melihat ikan putih-putih sebesar paha?” Mereka tertawa bersama. Mereka, para pengumpul batu itu, memang pandai bergembira dengan cara menertawakan diri mereka sendiri. Dan Karyamin tidak ikut tertawa, melainkan cukup tersenyum.” (3,12)


Apa yang membuat Karyamin tidak ikut berseloroh bersama temannya? Tak lain dan tak bukan adalah kerana memikirkan masalah yang melilitnya, seperti tengkulak yang menghilang, upah kerja yang belum dibayarkan,

tukang nasi pecel yang menagih hutang, memasang lotre yang selalu gagal. Rasa sedihlah yang membuatnya diam sahaja.



Tetapi setelah ditegur oleh Sarji “Kamu diam saja, apakah kamu tidak melihat ikan putih-putih sebesar paha?” Emosi Karyamin yang semula sedih berubah menjadi gembira—dimanifestasikannya melalui senyuman.

Keadaan fikiran terakhir yang ditemukan dalam teks ialah frasa *tidak ingin*. Karyamin sedar bahawa hutangnya pada Saidah sudah banyak, dia tidak mahu menambah berat beban si penjual nasi itu dengan menerima tawaran untuk makan. Pemunculan keadaan fikiran yang bermakna enggan ini diikuti suasana hati simpati dan kasihan terhadap Saidah.



Selain melakukan analisis dari sudut jenis kata dan frasa pengungkap emosi dan keadaan fikiran, juga dilakukan analisis dari sudut watak dalam cerita pendek ini. Dalam analisis ini hanya ditampilkan makna emosi sahaja, sedangkan kata/frasa yang mewakilinya tidak dimunculkan. Hasil analisis ini dapat dibaca pada Jadual 2 di bawah ini.

**Jadual 2** Pemunculan makna emosi dan keadaan fikiran berdasarkan watak cerita.

Bil.	Emosi dan keadaan fikiran	Karyamin	Para Pengumpul batu	Saidah	Pamong
1	Sikap positif	hiba, kasihan (3)		hiba, kasihan (2)	
2	Rasa puas	1. gembira (2)	1. gembira (3)		lega (1)
		2. gembira, puas (3)	2. gembira, mengejek (1)		
		3. gembira, mengejek (1)	3. gembira, bercanda (2)		

*sambungan* **Jadual 2**

Bil.	Emosi dan keadaan fikiran	Karyamin	Para Pengumpul batu	Saidah	Pamong
3	Nilai negatif	khuatir (1)		hairan (1)	
4	Perlawanan agresif	1. marah (3)			1. marah (1)
		2. dongkol (1)			2. hina (1)
		3. benci (1)			
		4. hina (2)			
5	Tidak puas	1. sedih (9)			
		2. kagum, iri (1)	1. iri (1)		
6	Keadaan fikiran	1. waspada (3)		1. sabar (1)	
		2. sadar (2)		2. setuju (4)	
		3. setuju (1)			
		4. simpati (1)			
		5. acuh (1)			
		6. enggan (1)			

Berdasarkan kuantiti jenis emosi dan keadaan fikiran di atas, 62% (36) daripada 54 data menunjukkan pemunculan suasana hati dan keadaan fikiran Karyamin sebagai watak utama. Bakinya, tujuh data merupakan suasana hati teman-teman Karyamin, lapan data menunjukkan suasana hati dan keadaan fikiran Saidah, dan tiga emosi Pamong.

Daripada 54 data yang mengacu kepada Karyamin, suasana hati tidak puas seperti sedih, kagum dan iri menempati urutan tertinggi (10); keadaan fikiran seperti waspada, sedar, setuju, simpati, acuh dan enggan berjumlah sembilan; suasana perlawanan agresif seperti marah, dongkol, benci dan hina berjumlah tujuh; rasa puas seperti gembira, gembira dan puas, gembira dan mengejek berjumlah enam, sikap positif seperti hiba dan kasihan berjumlah tiga dan suasana hati nilai negatif seperti khuatir hanya berjumlah satu. Emosi sedih sahaja yang berjumlah sembilan menunjukkan kesedihannya sebagai orang miskin yang pekerjaannya hanya sebagai pengumpul batu. Dia juga berasa sedih atas kemiskinannya yang tidak punya makanan untuk sarapan, bersusah payah mengangkut batu melalui jalan terjal yang licin sehabis hujan, ditambah lagi ketidaktahuan Pamong bahawa dirinya yang tergolong orang miskin justeru dimintai sumbangan

untuk orang miskin lainnya. Hal ini membuatnya bertambah sedih, kerana pemerintah seolah-olah tidak mengerti siapa yang tergolong miskin. Sebuah ketidakberdayaan kaum miskin ditunjukkan oleh pengarang terhadap tindakan sewenang-wenang aparat pemerintah. Kemarahan Karyamin terhadap Pamong tidak dilakukan melalui perbuatan, melainkan melalui senyuman—itu pun hanya muncul satu kali. Emosi perlawanan agresif lainnya lebih banyak ditujukan kepada kenakalan burung yang mengganggu.

Walaupun emosi sedih mendominasi dirinya, tetapi orang miskin seperti Karyamin masih menggunakan nalarnya. Ini terbukti dengan sembilan data yang mewakili keadaan fikiran. Pemahamannya akan keadaan ekonomi sulit dari sesama orang miskin—dalam hal ini Saidah—menunjukkan bahawa antara sesama kaum miskin, terdapat rasa simpati dan rasa hiba. Ini berbeza dengan Pamong yang tidak memiliki belas kasihan.

Jumlah emosi gembira Karyamin hampir menyamai emosi perlawanan agresifnya. Di samping melawan situasi yang tidak disukainya, dia masih dapat mencari sesuatu untuk dijadikan lelucon. Nampaknya rasa humornya tidak dikalahkan oleh kemarahannya.

Watak pendukung cerita seperti teman sesama pengumpul batu, mendominasi rasa gembira. Ini menunjukkan kaum miskin secara emosional lebih gembira daripada Pamong. Orang kaya justeru “miskin” suasana hati gembira, dia hanya memiliki suasana hati marah dan terhina dalam interaksinya dengan kaum miskin. Sebaliknya, interaksi antara kaum miskin tidak memunculkan rasa marah, dongkol, benci atau terhina, melainkan rasa hiba dan kasihan.

Rasa hiba dan kasihan itu justeru timbul dalam kalangan kaum miskin sendiri, yakni antara Saidah dengan Karyamin. Mereka masing-masing bersimpati atas penderitaan kawan bicaranya. Sebaliknya, rasa itu tidak dimiliki oleh Pamong. Sebagai seorang yang mempunyai kekuasaan di desa itu, Pamong tidak peduli dengan kemiskinan rakyatnya. Baginya, yang penting melaksanakan tugas mengumpulkan wang sumbangan. Untuk dapat mencapai hal itu nampaknya rasa marah perlu ditunjukkannya.

Dua jenis analisis di atas memperlihatkan emosi mana yang dominan dimiliki oleh watak utama dan watak penunjang lainnya. Analisis ini juga menunjukkan bahawa kata dan frasa pengungkap suasana hati atau emosi dan keadaan fikiran tidak hanya diwakili oleh sejumlah kata seperti yang diungkapkan oleh Heider (1991),<sup>5</sup> tetapi cakupannya lebih luas.

5 Heider (1991) membuat 44 gugus istilah emosi dalam bahasa Indonesia yang juga

## Pengungkapan

Pengungkapan suasana hati dan keadaan fikiran dapat ditilik dari dua sudut:

### 1. Pengkategorian

- (a) Kategori sintaktis: kata, frasa, klausa, kalimat.
- (b) Kategori kelas kata: nomina, verba, ajektiva, interjeksi, frasa nominal, frasa verbal, frasa ajektival, klausa nominal, klausa verbal, klausa ajektival.

### 2. Cara

- (a) Langsung: menggunakan kata-kata yang tergolong sebagai emosi dasar atau keadaan fikiran seperti: suka, sayang, marah, kaget, sedar, setuju.
- (b) Tidak langsung: menggunakan kata/frasa/klausa/kalimat yang tidak tergolong sebagai emosi dasar atau keadaan fikiran, melainkan menyatakan:
  - manifestasi berupa perbuatan, misalnya: tertawa, tawa, memaki, memukul,
  - disposisi, watak atau sifat, misalnya: berani, pengecut, ramah, jujur,
  - penyebab, misalnya: seksi, bagus, hebat,
  - rasa badaniah, misalnya: gementar, gatal-gatal, keluar keringat dingin,
  - seruan, misalnya: bangsat, aduh, amboi, wah,
  - julukan, panggilan, misalnya: manisku, intanku, dede,
  - onomatopeia.

Pengungkapan tidak langsung ini menimbulkan atau mengungkapkan emosi tertentu. Kata *bangsat* mengungkapkan si pengujar dalam keadaan marah; kata *seksi* menyebabkan si pendengar tertarik akan hal yang dibincangkan; kata *tertawa* memanifestasikan emosi senang atau menghina; kata *gementar* yang diucapkan kerana keadaan tubuh yang demikian menunjukkan rasa takut atau cemas; kata *manisku* menunjukkan suasana hati suka atau sayang.

---

mencakup *cognition area* seperti *sadar* dan *putus asa*. Dalam gugus *happy* (gembira) terdapat kata *suka*, *senang*, *gembira*, *riang*, *girang*, *suka ria*; gugus *sad* (sedih) terdapat kata *sedih*, *susah*, *muram*, *sayu*, *suram*, *murung*, *gelap*, *redup*, *kuyu*, *lembut*, *sayup*, dan sebagainya.

Jadual 3 yang berikut ini menunjukkan pengungkapan emosi dan keadaan fikiran secara langsung atau tidak langsung berserta maknanya.

**Jadual 3** Pengungkapan emosi dan keadaan fikiran secara langsung dan tidak langsung.

Bil.	Langsung		Tak langsung	
	Emosi	Keadaan fikiran	Manifestasi	Seruan
1	Tak tega (hiba, kasihan)	Hati-hati (waspada)	Senyum (gembira, puas; sedih;)	Nah (lega)
2	Tak tahan (hiba, kasihan)	Sadar (sedar)	Tersenyum (hiba, kasihan; gembira; dongkol; sedih; waspada; setuju; simpati)	Kok (hairan)
3	Khuatir (khuatir)	Sabar (sabar)	Tersenyum-senyum (menghina)	Bangsat (marah)
4	Marah (marah)	Iya (setuju)	Tawa (gembira, puas)	
5	Membenci (benci)		Tertawa (gembira)	
6	Terhina (hina)		Tertawaan (gembira, mengejek)	
7	Iri (iri, kagum)		Tertawa keras-keras (sedih)	
8	Tidak ingin (enggan)		Mentertawakan diri sendiri (gembira, bercanda)	
9	Menghina (hina)		Suara gelak tawa (gembira)	
10			Terbahak (gembira, mengejek)	
11			Menyeru-nyeru dengan seloroh cabul (gembira, bercanda)	
12			Membabat (marah)	
13			Menyumpahi (marah)	
14			Terpaku (sedih)	
15			Terduduk (sedih)	
16			Termangu (hiba, kasihan)	
17			Diam (acuh)	

*Penjelasan:* yang di luar kurung ialah kata-kata pada teks; yang di dalam kurung ialah maknanya.

Jadual di atas menunjukkan bahawa manifestasi sebagai ungkapan emosi lebih dominan daripada mengungkapkan kata-kata emosi secara langsung. Sebuah manifestasi, misalnya *tersenyum* dapat mengungkapkan pelbagai

suasana hati, antara lain hiba dan kasihan, gembira, dongkol, sedih, waspada, setuju dan toleransi. Suasana hati mana yang diacu oleh sebuah senyuman sangat bergantung pada situasi nyata (dalam komunikasi lisan) atau konteks (dalam teks). Hal itu tidak terlepas daripada budaya sesuatu masyarakat. Dalam masyarakat Jawa, senyuman mengandung sejumlah makna yang perlu dipelajari untuk memahaminya, agar tidak terjadi salah faham. Di dalam teks, ditemukan kata *senyum* memanifestasikan dua emosi, yakni emosi rasa puas (gembira, puas) dan tidak puas (sedih). Kata *tersenyum* memanifestasikan empat emosi dan satu keadaan fikiran, yakni emosi sikap positif (hiba, kasihan), emosi puas (gembira), emosi perlawanan agresif (dongkol), emosi tidak puas (sedih), dan keadaan fikiran waspada, setuju, simpati). Begitu pula manifestasi lainnya, *terbahak*, mewakili dua makna yang bertolak belakang, yakni gembira dan mengejek.

Dalam cerpen *Senyum Karyamin* ini, hanya muncul dua jenis pengungkapan tidak langsung, iaitu manifestasi dan interjeksi. Dalam pengungkapan langsung kata emosi dan keadaan fikiran muncul walaupun dalam skala tidak besar.

## KESIMPULAN

Setelah melakukan analisis dengan menggunakan teori emosi Santangelo, dapat disimpulkan bahawa teori ini memiliki beberapa kelebihan. Daya cakup emosi teori ini lebih luas apabila dibandingkan dengan teori Ekman. Teori ini tidak hanya mencakup emosi dasar atau emosi murni sahaja, tetapi juga mencakup keadaan fikiran yang tak terpisahkan daripada emosi.

Dengan mencakup keadaan fikiran yang tak terpisahkan daripada emosi, kata-kata seperti *bingung*, *hati-hati*, *kagum*, *sedar* dapat dikategorikan sebagai kata yang mencerminkan emosi. Saya mencuba memisahkan muatan emosi dan keadaan fikiran yang terkandung di dalamnya. Caranya, mengidentifikasikan secara jelas muatan keadaan fikiran yang terdiri daripada unsur kognisi dan unsur tingkah laku; serta muatan emosinya.

Dengan daya cakup yang lebih luas itu terjaring kata-kata yang oleh pakar emosi lain tidak dianggap mencerminkan suasana hati. Kata/frasa/klausa/kalimat itu dapat merupakan manifestasi daripada perbuatan. Misalnya, menjewer telinga mencerminkan pelakunya sedang marah kepada orang yang dijewer. Contoh lain, kata seru *wah* yang terdiri daripada huruf w, a, h tidak mengandungi muatan emosi apa pun. Tetapi ketika kata itu diucapkan seseorang atas reaksinya ketika melihat pemandangan yang indah, maka ia mempunyai muatan emosi. Ungkapan emosi demikian tidak

langsung diwakili oleh kata yang memang mempunyai muatan emosi seperti *sayang, benci, dongkol*. Saya menamakan ungkapan demikian sebagai ungkapan emosi tidak langsung. Di samping manifestasi dan kata interjeksi, Santangelo memberikan jenis ungkapan tak langsung lainnya ialah disposisi, rasa badaniah, penyebab, julukan, panggilan, dan onomatopeia.

Melalui analisis diperoleh hasil temuan bahwa kaum miskin lebih banyak mengungkapkan emosinya secara tidak langsung, seperti melalui kata-kata *senyum* dan variannya seperti *tersenyum, tersenyum-senyum, tawa* dengan variannya *tertawa, tertawaan, tertawa keras-keras, mentertawakan diri sendiri, suara gelak tawa, diam, terduduk, membabat*, dan sebagainya. Pengungkapan emosi secara langsung hanya menempati separuh daripada jumlah di atas. Apakah ini berarti kaum miskin tidak berani menyatakan emosinya secara terus terang? Bukan tujuan makalah ini untuk menjawab pertanyaan yang lebih cocok dijawab oleh pakar psikologi.

Mengenai Karyamin terungkap bahwa jenis emosi paling dominan yang dimilikinya ialah rasa tidak puas dengan makna sedih terhadap kehidupannya yang miskin. Tetapi dia masih dapat menggunakan fikirannya dalam menghadapi pegawai pemerintah yang menindasnya, sehingga emosi perlawanan agresif dengan makna marah dimanifestasikan melalui senyum dan tawa, bukan melalui perkelahian atau perbuatan kasar lainnya. Sebagai watak utama cerita, lima kelas emosi ditemukan dalam diri Karyamin; sedangkan pada pengumpul batu hanya ditemukan satu jenis emosi, yaitu emosi rasa puas dengan makna gembira; dan pada Saidah ditemukan tiga jenis emosi, yakni sikap positif dengan makna hiba dan kasihan, nilai negatif dengan makna hairan.

Hasil analisis menunjukkan solidaritas sesama kaum sangat kuat. Solidaritas itu didasarkan pada fikiran bahwa mereka senasib. Hal itu tercermin melalui simpati terhadap teman senasib (antara Karyamin dan Saidah penjual nasi), setuju dengan pemahaman teman senasib atas diri sendiri (Saidah tidak tahan melihat orang kelaparan), enggan menambah berat beban teman senasib (Karyamin tidak mahu menambah hutangnya pada Saidah), tertawa dan bergembira bersama (antara Karyamin dan teman-temannya). Sebaliknya, orang yang tidak melarat seperti Pamong hanya mempunyai emosi perlawanan agresif dengan makna marah dan berasa terhina ketika melihat Karyamin tersenyum tanpa menjawab pertanyaannya; emosi puas dengan makna puas ketika akhirnya berhasil menemukan Karyamin.

Temuan lainnya adalah bahwa konteks sangat berperanan dalam menentukan makna kata yang mengandung suasana hati dan keadaan

fikiran. Sebuah kata dapat mewakili emosi atau keadaan fikiran yang berbeza pada konteks yang berbeza pula. Kata *tersenyum* misalnya, dapat mengungkapkan suasana hati yang berbeza-beza bergantung pada antesedennya. Sebuah emosi belum tentu bermakna tunggal. Misalnya, kelas rasa puas dengan makna gembira dapat mempunyai varian seperti gembira bercampur puas (Karyamin berhasil mengalahkan rasa laparnya), gembira bercampur mengejek (teman-teman Karyamin mentertawakannya saat dia jatuh terguling-guling), atau gembira bercampur bercanda (mentertawakan kebodohan mereka sendiri dan menganggap paha-paha perempuan yang akan menyeberang sungai sebagai ikan putih yang besar).

Hasil analisis berupa jenis kata suasana hati dan keadaan fikiran ini dapat memberikan sumbangan kepada peneliti yang meneliti medan makna emosi dalam bidang semantik dalam menemukan sistem suasana hati dan keadaan fikiran dalam bahasa Indonesia.

## RUJUKAN

- Ekman, Paul, 2003. *Emotions Revealed*. London: Phoenix.
- Heider, Karl. G., 1991. *Landscapes of Emotion: Mapping three cultures of emotion in Indonesia*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Santangelo, Paolo, 1995. "A Research on Emotions and States of Mind in Late Imperial China: Preliminary Results" dlm. *Ming Qing Yanjiu*, Paolo Sangelo (ed.) Napoli, Roma: Dipartimento di Studi Asiatici Intituo Universitario Orientale Napoli, hlm.101–209.
- Santangelo, Paolo, 2001. "General Criteria Compilation". Cetakan stensilan.
- Santangelo, Paolo, 2002a. "Design of database". Cetakan stensilan.
- Santangelo, Paolo, 2002b. "Emotions in History and Literature. An Interdisciplinary Research on Emotions and States of Mind in Ming-Qing Period". Cetakan stensilan.
- Santangelo, Paolo, 2002c. "Description of the reseach project and theoretical problems". Cetak stensilan.
- Sudaryanto, 1994. *Pemanfaatan Potensi Bahasa*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Sutami, Hermina, 2002a. "Textual Analysis of Bunga Roos dari Cikembang 'Rose from Cikembang': A Case of Sino-Malay Hybridization Literature". Kertas kerja dalam sanggar kerja *The Representation of Emotions in Asia: Peculiarities and Analogies*, di Benevento, Italia, 31 Mei 2002.
- Sutami, Hermina, 2002b. "Ungkapan Ketakutan dalam *Catatan Harian si Sinting* karya Lu Xun" Kertas kerja dalam sanggar kerja *International Workshop on Lexicology* yang diselenggarakan oleh Pusat Leksikologi dan Leksikografi Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya UI dan Dewan Bahasa dan Pustaka,

- Malaysia, Depok, 16–17 Desember 2002.
- Sutami, Hermina, 2003. “Makna Senyuman: Analisis Tekstual terhadap Ungkapan Suasana Hati dan Keadaan Fikiran”. Kertas kerja dalam *Konperensi Linguistik Tahunan Atma Jaya: 1 (KOLITA-1)*, di Unika Atma Jaya, Jakarta, 17–18 Februari 2003.
- Sutami, Hermina, 2004. “Emosi dan Keadaan Fikiran (*Emotions and States of Mind*)”. Depok: Pusat Leksikologi dan Leksikografi. Cetak lepas.
- Tim Redaksi Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kedua, 1991. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.

## LAMPIRAN DATA

## 1. Sikap positif dan harapannya (5)

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
1	4,12	Hiba, kasihan	Tak tahan	"Makan, ya Min? Aku <i>tak tahan</i> melihat orang lapar. Tak usah bayar dulu. Aku sabar menunggu tengkulak datang. Batumu juga belum dibayarnya, kan?"
2	4,27	Hiba, kasihan	Tak tahan	"Tidak. Kalau kamu <i>tak tahan</i> melihat aku lapar, aku pun tak tega melihat daganganmu habis kerana utang-utanku dan kawan-kawan."
3	4,28	Hiba, kasihan	Tak tega	"Tidak. Kalau kamu <i>tak tahan</i> melihat aku lapar, aku pun <i>tak tega</i> melihat daganganmu habis kerana utang-utanku dan kawan-kawan."
4	4,34	Hiba, kasihan	Tersenyum	Saidah memutus kata-katanya sendiri kerana Karyamin sudah berjalan menjauh. Tetapi Saidah masih sempat melihat Karyamin menoleh kepadanya sambil tersenyum. Saidah pun <i>tersenyum</i> sambil menelan ludah berulang-ulang. Ada yang mengganjal di tenggorokan yang tak berhasil didorongnya ke dalam. Diperhatikannya Karyamin yang berjalan melalui lorong liar sepanjang tepi sungai.
5	5,34	Hiba, kasihan	Termangu	Sebelum habis mendaki tanjakan, Karyamin mendadak berhenti. Dia melihat dua buah sepeda jengki diparkir di halaman rumahnya. Denging dalam telinganya terdengar semakin nyaring. Kunang-kunang di matanya pun semakin banyak. Maka Karyamin sungguh berhenti, dan <i>termangu</i> . Dibayangkannya istrinya yang sedang sakit harus menghadapi dua penagih bank harian. Padahal Karyamin tahu, istrinya tidak mampu membayar kewajibannya hari ini, hari esok, hari lusa, dan entah hingga kapan [...]

## 2. Rasa puas (13)

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
1	2,27	Gembira	Suara gelak tawa	<p>“Istrimu tidak hanya menarik mata petugas bank harian. Jangan dilupa tukang edar kupon buntut itu. Kudengar dia juga sering datang ke rumahmu bila kamu sedang keluar. Apa kamu juga percaya dia datang hanya untuk menjual kupon buntut? Jangan-jangan dia menjual buntutnya sendiri!”</p> <p><i>Suara gelak tawa</i> terdengar riuh di antara bunyi benturan batu-batu yang mereka lempar ke tepi sungai.</p>
2	3,14	Gembira	Tertawa	<p>“Min! “ teriak Sarji. “Kamu diam saja, apakah kamu tidak melihat ikan putih-putih sebesar paha? “Mereka <i>tertawa</i> bersama.</p>
3	3,16	Gembira	Tertawa	<p>Mereka tertawa bersama. Mereka, para pengumpul batu itu, memang pandai bergembira dengan cara menertawakan diri mereka sendiri. Dan Karyamin tidak ikut <i>tertawa</i>, melainkan cukup <i>tersenyum</i>.</p>
4	3,17	Gembira	Tersenyum	<p>Mereka tertawa bersama. Mereka, para pengumpul batu itu, memang pandai bergembira dengan cara menertawakan diri mereka sendiri. Dan Karyamin tidak ikut tertawa, melainkan cukup <i>tersenyum</i>.</p>
5	4,40	Gembira	Senyum	<p>Kawan-kawan Karyamin menyeru-nyeru dengan segala macam seloroh cabul. Tetapi Karyamin hanya sekali berhenti dan menoleh sambil melempar <i>senyum</i>.</p>
6	3,21	Gembira, puas	Senyum	<p>Pagi itu <i>senyum</i> Karyamin pun menjadi tanda kemenangan atas perutnya yang sudah mulai melilit dan matanya yang berkunang-kunang.</p>
7	3,25	Gembira, puas	Senyum	<p>Memang, Karyamin telah berhasil membangun fatamorgana kemenangan dengan <i>senyum</i> dan tawanya.</p>

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
8	3,25	Gembira, puas	tawanya	Memang, Karyamin telah berhasil membangun fatamorgana kemenangan dengan senyum dan <i>tawanya</i> .
9	1,17	Gembira, mengejek	Tertawaan	[...] pagi ini Karyamin sudah dua kali tergelincir. Tubuhnya rubuh, lalu menggelinding ke bawah, berkejaran dengan batu-batu yang tumpah dari keranjangnya. Dan setiap kali jatuh, Karyamin menjadi bahan <i>tertawaan</i> kawan-kawannya.
10	2,9	Gembira, mengejek	Terbahak	Boleh jadi Karyamin akan selamat sampai ke atas bila tak ada burung yang nakal. Seekor burung paruh udang terjun dari ranting yang menggantung di atas air, menyambar seekor ikan kecil, lalu melesat tanpa rasa salah hanya sejengkal di depan mata Karyamin. "Bangsat!" teriak Karyamin yang sedetik kemudian dia sudah kehilangan keseimbangan. Tubuhnya bergulir sejenak, lalu jatuh terduduk dibarengi suara dua keranjang batu yang ruah. Tubuh itu ikut meluncur, tetapi terhenti kerana tangan Karyamin berhasil mencengkeram rerumputan. Empat atau lima orang kawan Karyamin <i>terbahak</i> bersama.
11	1,19	Gembira, bercanda	Menertawakan diri sendiri	Meskipun demikian, pagi ini Karyamin sudah dua kali tergelincir. Tubuhnya rubuh, lalu menggelinding ke bawah, berkejaran dengan batu-batu yang tumpah dari keranjangnya. Dan setiap kali jatuh, Karyamin menjadi bahan <i>tertawaan</i> kawan-kawannya. Mereka, para pengumpul batu itu, senang mencari hiburan dengan cara <i>mener-tawakan diri</i> mereka sendiri.
12	4,38	Gembira, bercanda	Menyeru-nyeru dengan seloroh cabul	Saidah memutus kata-katanya sendiri kerana Karyamin sudah berjalan menjauh. Tetapi Saidah masih sempat melihat Karyamin menoleh kepadanya sambil tersenyum. Saidah pun ter-

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
				senyum sambil menelan ludah berulang-ulang. Ada yang mengganjal di tenggorokan yang tak berhasil didorongnya ke dalam. Diperhatikannya Karyamin yang berjalan melalui lorong liar sepanjang tepi sungai. Kawan-kawan Karyamin <i>menyeru-nyeru dengan</i> segala macam <i>seloroh cabul</i> . Tetapi Karyamin hanya sekali berhenti dan menoleh sambil melempar senyum.
13	6,6	Lega	Nah	Namun di bawah sana Karyamin melihat seorang lelaki dengan baju batik motif tertentu dan berlengan panjang. Kopiahnya yang mulai botak kemerahan menyakinkan Karyamin bahwa lelaki itu adalah Pak Pamong. "Nah, akhirnya kamu ketemu juga, Min. Kucari kau di rumah, tak ada. Di pangkalan batu, tak ada. Kamu mau menghindar, ya?"

### 3. Penonjolan nilai negatif (2)

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
1	3,42	Hairan	kok	"Masih pagi <i>kok</i> mau pulang, Min?" tanya Saidah. "Sakit?"
2	5,12	Khuatir	Khawatir	Sesungguhnya Karyamin tidak tahu betul mengapa dia harus pulang. Di rumahnya tak ada sesuatu buat mengusir suara keruyuk dari lambungnya. Istrinya juga tak perlu <i>dikhawatirkan</i> . Oh ya, Karyamin ingat bahwa istrinya memang layak dijadikan alasan buat pulang. Semalaman tadi istrinya tidak bisa tidur lantaran bisul di puncak pantatnya.

## 4. Perlawanan agresif (9)

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
1	2,4	Marah	Bangsas	Boleh jadi Karyamin akan selamat sampai ke atas bila tak ada burung yang nakal. Seekor burung paruh udang terjun dari ranting yang menggantung di atas air, menyambar seekor ikan kecil, lalu melesat tanpa rasa salah hanya sejengkal di depan mata Karyamin. " <i>Bangsas!</i> " teriak Karyamin yang sedetik kemudian dia sudah kehilangan keseimbangan. Tubuhnya bergulir sejenak, lalu jatuh terduduk dibarengi suara dua keranjang batu yang ruah. Tubuh itu ikut meluncur, tetapi terhenti kerana tangan Karyamin berhasil mencengkeram rerumputan.
2	2,41	Marah	menyumpahi	Dan Karyamin masih terduduk sambil memandang kedua keranjangnya yang berantakan dan hampa. Angin yang bertiup lemah membuat kulitnya merinding, meski matahari sudah cukup tinggi. Burung paruh udang kembali melintas di atasnya. Karyamin ingin <i>menyumpahinya</i> , tetapi tiba-tiba rongga matanya penuh bintang.
3	3,28	Marah	membabat	Anehnya Karyamin merasa demikian terhina oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, Karyamin ingin <i>membabat</i> burung itu dengan pikulannya.
4	6,21	Marah	marah	Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi <i>marah</i> oleh senyum Karyamin.

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
5	3,32	Dongkol	tersenyum	Memang, Karyamin telah berhasil membangun fatamorgana kemenangan dengan senyum dan tawanya. Anehnya, Karyamin merasa demikian terhina oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, Karyamin ingin membabat burung itu dengan pikulannya. Tetapi niat itu diurungkan kerana Karyamin sadar, dengan mata yang berkunang-kunang dia tak akan berhasil melaksanakanmaksudnya. Jadi, Karyamin hanya <i>tersenyum</i> .
6	4,16	Benci	membenci	Si paruh udang kembali melintas cepat dengan suara mencecet. Karyamin tak lagi <i>membencinya</i> kerana sadar, burung yang demikian sibuk pasti sedang mencari makan buat anak-anaknya dalam sarang entah di mana.
7	3,26	Hina	terhina	Memang, Karyamin telah berhasil membangun fatamorgana kemenangan dengan senyum dan tawanya. Anehnya, Karyamin merasa demikian <i>terhina</i> oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya.
8	6,22	Hina	menghina	Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh senyum Karyamin. “Kamu <i>menghina</i> aku, Min?” “Tidak, Pak. Sungguh tidak” “Kalau tidak, mengapa kamu tersenyum-senyum? Hayo cepat, mana uang iuranmu?”

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
9	6,24	Hina	Tersenyum-senyum	Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh senyum Karyamin. "Kamu menghina aku, Min?" "Tidak, Pak. Sungguh tidak" "Kalau tidak, mengapa kamu <i>tersenyum-senyum</i> ? Hayo cepat; mana uang iuranmu?"

## 5. Tidak puas (11)

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
1	2,36	Sedih	terduduk	Dan Karyamin masih <i>terduduk</i> sambil memandangi kedua keranjangnya yang berantakan dan hampa.
2	3,37	Sedih	terpaku	Dia tersenyum ketika menapaki tanah licin yang berparut bekas perosotan tubuhnya tadi. Di punggung tanjakan, Karyamin <i>terpaku</i> sejenak melihat tumpukan batu yang belum lagi mencapai seperempat kubik, tetapi harus ditinggalkannya.
3	4,1	Sedih	tersenyum	Dia tersenyum ketika menapaki tanah licin yang berparut bekas perosotan tubuhnya tadi. Di punggung tanjakan, Karyamin <i>terpaku</i> sejenak melihat tumpukan batu yang belum lagi mencapai seperempat kubik, tetapi harus ditinggalkannya. "Masih pagi kok mau pulang, Min?" tanya Saidah. "Sakit?" Karyamin menggeleng, dan <i>tersenyum</i> .

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
4	5,7	Sedih	tersenyum	Tiba-tiba burung itu menukik menyambar ikan kepala timah sehingga air berkecipak. Dengan mangsa di paruhnya, burung itu melesat melintasi para pencari batu, naik menghindari rumpun gelagah dan lenyap di balik gerumbul pandan. Ada rasa iri di hati Karyamin terhadap si paruh udang. Tetapi dia hanya bisa <i>tersenyum</i> sambil melihat dua keranjangnya yang kosong.
5	6,18	Sedih	senyum	Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging <i>senyum</i> . Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh senyum Karyamin.
6	6,18	Sedih	senyum	Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. <i>Senyum</i> yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh senyum Karyamin.
7	6,18	Sedih	senyum	Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
				dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh <i>senyum</i> Karyamin.
8	6,26	Sedih	tersenyum	<p>Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh senyum Karyamin.</p> <p>“Kamu menghina aku, Min?” Tidak, Pak. Sungguh tidak” Kalau tidak, mengapa kamu tersenyum-senyum? Hayo cepat; mana uang iuranmu?” Kali ini Karyamin tidak hanya <i>tersenyum</i>, melainkan tertawa keras-keras.</p>
9	6,27	Sedih	Tertawa keras-keras	<p>Karyamin mendengar suara napas sendiri. Samar-samar, Karyamin juga mendengar detak jantung sendiri. Tetapi Karyamin tidak melihat bibir sendiri yang mulai menyungging senyum. Senyum yang sangat baik untuk mewakili kesadaran yang mendalam akan diri serta situasi yang harus dihadapinya. Sayangnya, Pak Pamong malah menjadi marah oleh senyum Karyamin.</p> <p>“Kamu menghina aku, Min?” “Tidak, Pak. Sungguh tidak” Kalau tidak, mengapa kamu tersenyum-senyum? “Hayo cepat; mana uang iuranmu?” Kali ini Karyamin tidak hanya <i>tersenyum</i>, melainkan <i>tertawa keras-keras</i>.</p>

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
10	2,14	Iri	iri	“Sudah, Min. Pulanglah. Kukira hatimu tertinggal di rumah sehingga kamu loyo terus,” kata Sarji yang diam-diam <i>iri</i> pada istri Karyamin yang muda dan gemuk.
11	5,6	Kagum, iri	iri	Tiba-tiba burung itu menukik menyambar ikan kepala timah sehingga air berkecipak. Dengan mangsa di paruhnya, burung itu melesat melintasi para pencari batu, naik menghindari rumpun gelagah dan lenyap di balik gerumbul pandan. Ada rasa <i>iri</i> di hati Karyamin terhadap si paruh udang. Tetapi dia hanya bisa tersenyum sambil melihat dua keranjangnya yang kosong.

6. Keadaan fikiran (14)

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
1	1,1	Waspada	Hati-hati	Karyamin melangkah pelan dan sangat <i>hati-hati</i> .
2	1,21	Waspada	Hati-hati	Kali ini Karyamin merayap lebih <i>hati-hati</i> . Meski dengan lutut yang sudah bergetar, jemari kaki dicengkeramkannya ke tanah.
3	3,35	Waspada	tersenyum	Dia <i>tersenyum</i> ketika menapaki tanah licin yang berparut bekas perosotan tubuhnya tadi.
4	3,29	Sedar	sadar	Anehnya, Karyamin merasa demikian terhina oleh burung paruh udang yang bolak-balik melintas di atas kepalanya. Suatu kali, Karyamin ingin membatat burung itu dengan pikuiannya. Tetapi niat itu diurungkan kerana Karyamin <i>sadar</i> , dengan mata yang berkunang-kunang dia tak akan berhasil melaksanakan maksudnya.

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
5	4,16	Sedar	sadar	Si paruh udang kembali melintas cepat dengan suara mencecet. Karyamin tak lagi membencinya kerana <i>sadar</i> , burung yang demikian sibuk pasti sedang mencari makan buat anak-anaknya dalam sarang entah di mana.
6	4,13	Sabar	sabar	"Makan, ya Min? Aku tak tahan melihat orang lapar. Tak usah bayar dulu. Aku <i>sabar</i> menunggu tengkulak datang. Batumu juga belum dibayarnya, kan?"
7	4,9	Setuju	tersenyum	"Makan, Min?" "Tidak. Beri aku minum saja. Daganganmu sudah ciut seperti itu. Aku tak ingin menambah utang." "Iya, Min, iya. Tetapi kamu lapar, kan?" Karyamin hanya <i>tersenyum</i> sambil menerima segelas air yang disodorkan oleh Saidah.
8	4,8	Setuju	iya	"Makan, Min?" "Tidak. Beri aku minum saja. Daganganmu sudah ciut seperti itu. Aku tak ingin menambah utang." "Iya, Min, iya. Tetapi kamu lapar, kan?" Karyamin hanya <i>tersenyum</i> sambil menerima segelas air yang disodorkan oleh Saidah.
9	4,8	Setuju	iya	"Makan, Min?" "Tidak. Beri aku minum saja. Daganganmu sudah ciut seperti itu. Aku tak ingin menambah utang." "Iya, Min, iya. Tetapi kamu lapar, kan?" Karyamin hanya <i>tersenyum</i> sambil menerima segelas air yang disodorkan oleh Saidah.
10	4,30	Setuju	iya	"Tidak. Kalau kamu tak tahan melihat aku lapar, aku pun tak tega melihat daganganmu habis kerana utang-utangku dan kawan-kawan." "Iya Min, iya. Tetapi..."

UNGKAPAN EMOSI DAN KEADAAN FIKIRAN KAUM MISKIN

Bil.	Hlm., Baris	Makna	Kata/Frasa	Anteseden
11	4,30	Setuju	<i>iya</i>	“Tidak. Kalau kamu tak tahan melihat aku lapar, aku pun tak tega melihat daganganmu habis kerana utang-utangku dan kawan-kawan.” “Iya Min, <i>iya</i> . Tetapi...”
12	4,33	Simpati	<i>tersenyum</i>	Saidah memutus kata-katanya sendiri kerana Karyamin sudah berjalan menjauh. Tetapi Saidah masih sempat melihat Karyamin menoleh kepadanya sambil <i>tersenyum</i> . Saidah pun <i>tersenyum</i> sambil menelan ludah berulang-ulang.
13	3,12	Acuh	<i>diam</i>	“Min!” teriak Sarji. “Kamu <i>diam</i> saja, apakah kamu tidak melihat ikan putih-putih sebesar paha?”
14	4,7	Enggan	Tidak ingin	“Tidak. Beri aku minum saja. Daganganmu sudah ciut seperti itu. Aku <i>tak ingin</i> menambah utang.”

## LAMPIRAN RINGKASAN ISI CERITA

Karyamin, seorang pengumpul batu, bermata pencaharian mengangkut batu kali dari sungai untuk dibawa ke pangkalan material. Di sana batu-batu itu dibeli oleh tengkulak untuk dijual di kota. Batu-batu itu diangkut dengan sebuah pikulan yang digantungi dua keranjang di kedua ujungnya. Jalan setapak untuk mengangkut batu itu agak menanjak, sehingga licin sehabis hujan.

Di suatu pagi Karyamin sudah dua kali jatuh tergelincir ketika menaiki jalan menanjak yang licin sehabis hujan semalamnya. Setiap kali tergelincir keranjang berisi batu yang diangkutnya terlepas dari pundaknya, sehingga batu di dalamnya jatuh berhamburan. Untuk yang ketiga kalinya Karyamin menapaki jalan licin itu dengan sangat hati-hati. Tetapi, tiba-tiba seekor burung paruh udang terjun dari ranting yang menggantung di atas air, menyambar seekor ikan, lalu terbang melintas hanya sejengkal dari depan matanya. Akibatnya, Karyamin kehilangan keseimbangan, lalu jatuh untuk ketiga kalinya. Segera keluar kata-kata makiannya terhadap burung itu. Tetapi teman-teman sesama pengumpul batu lainnya malah menertawakannya, sama seperti ketika ia jatuh dua kali sebelumnya. Mereka mengolok-olok Karyamin bahwa ingatan Karyamin melayang kepada istrinya yang muda dan gemuk yang sedang digoda oleh petugas bank yang selalu datang menangih utang. Demikian pula halnya dengan penjual lotre yang selalu datang saat Karyamin tidak di rumah. Sejenak kemudian mereka melihat sekelompok perempuan berkain sarung hendak menyeberang sungai. Untuk memudahkan, perempuan itu mengangkat kain sarungnya agak tinggi sehingga terlihat pahanya. Hal itu menjadi pemandangan yang mengasyikkan bagi teman-teman Karyamin. Mereka mulai bercanda dengan berseloroh kata-kata kotor. Tetapi Karyamin yang sudah tiga kali jatuh, tidak turut mengeluarkan kata-kata kotor, ia agak sedih ketika melihat isi keranjangnya tumpah kembali. Ia hanya tersenyum menimpali seruan teman-temannya. Pada saat itu perutnya mengeluarkan bunyi keroncongan kerana ia belum sarapan sejak pagi. Ketika berangkat meninggalkan rumah untuk mengangkut batu di rumahnya tidak ada sesuatu yang dapat dimakannya. Tetapi ia dapat mengalahkan rasa lapar dengan cara tertawa dan tersenyum dan berharap pekerjaannya akan berhasil pada hari itu.

Kerana sudah sangat lapar, akibatnya kepalanya pening, langit dirasakan seakan berputar. Ia lalu memutuskan pulang saja. Dalam perjalanan pulang ia melalui tempat Saidah berjual nasi pecel. Saidah hairan melihatnya pulang padahal hari masih pagi. Tawaran nasi pecel ditampik oleh Karyamin, sekalipun perutnya keroncongan. Ia sadar bahawa hutangnya pada Saidah sudah menumpuk. Kalau ia makan lagi, utangnya akan bertambah banyak. Ia kasihan pada Saidah yang tidak hanya mengutangi dia, tetapi juga mengutangi teman-temannya. Sebaliknya, Saidah juga kasihan pada Karyamin yang kelaparan. Walaupun utang Karyamin sudah banyak, ia masih menawari nasi pecelnya pada Karyamin.

Karyamin meneruskan perjalanannya pulang ke rumah sambil mencari alasan

mengapa ia pulang pagi-pagi, kerana di rumah pun tidak ada sesuatu yang dapat dimakan. Akhirnya, ia menemukan jawabannya, yakni kecemasannya akan bisul istrinya yang membuatnya tidak dapat tidur semalaman. Ketika hampir sampai di rumah, ia melihat dua sepeda diparkir di halaman rumahnya. Itu pasti sepeda petugas bank yang mau menagih utang. Hal ini membuat matanya semakin berkunang-kunang, denging di telinganya semakin keras. Ia segera hendak kembali lagi menghindari tagihan petugas bank. Namun, baru saja berjalan tidak jauh dari rumahnya, ia bertemu dengan Pamong yang berjalan menghampirinya. Pamong merasa puas dapat menemukannya kerana sudah berkeliling mencari Karyamin tetapi tidak menemukannya. Tujuannya adalah hendak minta uang sumbangan yang akan diberikan kepada fakir miskin di Afrika. Pamong mengatakan bahawa hari itu adalah hari terakhir Karyamin harus menyerahkan uangnya dan ia tidak mau dipersulit lagi oleh Karyamin. Mendengar itu, Karyamin hanya tersenyum saja. Melihat Karyamin tersenyum, Pamong merasa terhina dan marah. Ketika Pamong berkata sekali lagi meminta Karyamin segera mengeluarkan uangnya, Karyamin malah tertawa keras-keras. Demikian keras tawanya itu sampai-sampai tubuhnya berguncang-guncang sehingga hilang keseimbangan dan jatuh terguling ke lembah tanpa dapat ditahan oleh Pamong.

Dipetik daripada “Senyum Karyamin” dalam *Senyum Karyamin: Kumpulan Cerpen Ahmad Tohari*; disunting oleh Maman S. Mahayana. Jakarta: PT Gramedia (1989).